

## ADAT JEJAK TANAH ETNIK RAWA DI NEGERI PERAK: NARATIF BUDAYA DAN MAKNA KEHIDUPAN

## THE EARTH-STEPPING RITUAL OF THE RAWA ETHNIC GROUP IN PERAK: CULTURAL NARRATIVE AND MEANING OF LIFE

Nur Azlina Roslan<sup>a</sup>, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh<sup>b\*</sup> & Muhd Imran Abd Razak<sup>c</sup>

<sup>a</sup>Pelajar Pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia / Penyelaras Operasi, Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Agama Islam Perak, Perak, Malaysia (E-mail: azlinajaipk@gmail.com)

<sup>b</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia. (E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

<sup>c</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia (E-mail: imranrazak@uitm.edu.my)

\*corresponding author

### Article history

Received date : 1-10-2025  
Revised date : 10-10-2025  
Accepted date : 29-10-2025  
Published date : 30-11-2025

### To cite this document:

Roslan, N.A., Salleh, M.Y.Y. & Abd Razak, M. I. (2025). Adat jejak tanah etnik Rawa di negeri Perak: Naratif budaya dan makna kehidupan. *Islamic Journal Of Cultural Studies (IJCS)*, 1(1), 144-156.

**Abstrak:** Artikel ini menelusuri adat jejak tanah yang diamalkan oleh etnik Rawa di kawasan Gopeng, Perak, sebagai satu tradisi kelahiran yang kaya dengan makna simbolik dan nilai kemanusiaan. Upacara ini menandakan detik pertama seorang bayi berpijak ke bumi, lambang penerimaan terhadap kehidupan serta kesinambungan zuriat dalam masyarakat Rawa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan etnografi, dengan pengumpulan data melalui temu bual mendalam bersama tiga orang informan utama iaitu terdiri daripada seorang tukang adat, seorang bidan kampung dan seorang ibu selepas bersalin serta pemerhatian lapangan terhadap pelaksanaan upacara jejak tanah di sebuah kampung tradisi Rawa di Gopeng. Dapatan menunjukkan bahawa adat ini bukan sekadar ritual kelahiran, tetapi juga wadah yang memperkukuh ikatan kekeluargaan, memperindah nilai kesyukuran, dan menzahirkan hubungan harmoni antara manusia dengan alam. Unsur-unsur seperti tanah, air, garam dan bunga membawa makna simbolik yang menggambarkan kesucian, keseimbangan dan harapan terhadap kehidupan baru. Naratif ini menonjolkan bagaimana masyarakat Rawa di Perak terus mengekalkan adat jejak tanah sebagai cerminan kearifan tempatan yang menghubungkan masa lalu dengan kehidupan moden masa kini.

**Kata Kunci:** Etnik Rawa; Jejak tanah; Gopeng; Kearifan tempatan; Etnografi budaya.

**Abstract:** This article explores the *jejak tanah* (first-earth-touch) ceremony practiced by the Rawa ethnic community in Gopeng, Perak, as a birth tradition rich in symbolic meaning and human values. The ceremony marks the moment when a baby first touches the earth—a symbol of acceptance into life and the continuation of lineage within the Rawa society. This study employs a qualitative ethnographic approach, with data collected through in-depth interviews with three key informants: a ritual specialist, a traditional midwife, and a postnatal mother, as well as field observations of the *jejak tanah* ceremony in a traditional Rawa village in Gopeng. The findings reveal that this practice is not merely a birth ritual but also a medium that strengthens family bonds, expresses gratitude, and embodies the harmonious relationship between humans and nature. Elements such as soil, water, salt, and flowers carry symbolic meanings representing purity, balance, and hope for a new life. This narrative highlights how the Rawa community in Perak continues to preserve the *jejak tanah* ceremony as a reflection of local wisdom that connects the past with contemporary life.

**Keywords:** Rawa ethnic; *Jejak tanah*; Gopeng; Local wisdom; Cultural ethnography.

---

## PENDAHULUAN

Setiap budaya memiliki cara tersendiri untuk menyambut kelahiran manusia. Dalam masyarakat tradisional, kelahiran bukan sekadar peristiwa biologi, tetapi suatu peristiwa sosial dan spiritual yang menandakan kehadiran jiwa baru ke dalam jaringan kehidupan. Bagi masyarakat Rawa yang menetap di negeri Perak, khususnya di kawasan Gopeng, Kampar dan sekitarnya, kelahiran anak diraikan dengan adat yang disebut sebagai *jejak tanah* atau *adat berjejak*. Upacara ini menjadi lambang penerimaan bayi terhadap dunia nyata serta menzahirkan hubungan manusia dengan bumi satu falsafah yang amat dihargai dalam kehidupan orang Rawa. Etnik Rawa merupakan kelompok kecil yang berhijrah dari Rao, Sumatera Barat ke Tanah Melayu pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, semasa era perlombongan bijih timah yang pesat di Perak (Shahirah, 2025). Sebahagian daripada mereka menetap di kawasan seperti Gopeng, Mambang Di Awan, Malim Nawar dan Tanjung Tualang, di mana mereka membina penempatan kekal serta membawa bersama sistem sosial, bahasa dan adat yang menjadi identiti mereka hingga kini. Walaupun proses asimilasi dengan masyarakat Melayu tempatan berlaku dengan pesat, beberapa unsur budaya Rawa tetap kekal antaranya ialah adat *jejak tanah* yang masih diamalkan oleh segelintir keluarga sehingga hari ini (Selvianingsih et al., 2023).

Kajian ini dijalankan di sebuah kampung tradisi Rawa di Gopeng, dengan tumpuan terhadap amalan *jejak tanah* sebagai warisan budaya yang mengekspresikan hubungan manusia dengan alam dan masyarakat. Melalui temu bual mendalam dengan tiga orang informan utama seorang tok adat perempuan berusia lebih 74 tahun yang menjadi pelaksana utama upacara, seorang bidan kampung yang menjadi saksi kepada perubahan tradisi dari generasi ke generasi dan seorang ibu selepas berpantang yang baru menjalankan adat ini untuk anak ke empatnya. Kajian ini berusaha merakamkan pengalaman, perasaan dan tafsiran budaya mereka terhadap upacara tersebut. Di samping itu, pemerhatian lapangan turut dilakukan bagi mendokumentasikan suasana pelaksanaan upacara, bahan-bahan yang digunakan serta penglibatan ahli keluarga dalam majlis yang sederhana namun bermakna ini (Creswell, 2021).

Pendekatan ini memberi peluang untuk memahami adat *jejak tanah* bukan sekadar melalui keterangan lisan, tetapi melalui pengalaman langsung dan nuansa emosi yang tersirat di sebalik pelaksanaannya. Ia juga membuka ruang untuk menelusuri cara masyarakat Rawa mengekalkan identiti dan nilai warisan mereka dalam arus kehidupan moden. Dengan menggali kisah dari lapangan, artikel ini berhasrat untuk mendokumentasikan bukan sahaja bentuk upacara, tetapi

juga makna-makna halus yang terpendam dalam setiap tapak kecil yang menjejak bumi suatu simbolik yang menghubungkan manusia (Zabidin, 2015; Azlina et al., 2020).

### **Latar Sosial dan Budaya Etnik Rawa di Gopeng, Perak**

Kawasan Gopeng di daerah Kampar, Perak, merupakan antara penempatan terawal masyarakat Rawa yang berhijrah dari Rao, Sumatera Barat ke Tanah Melayu sekitar penghujung abad ke-19. Migrasi ini berlaku ketika era perlombongan bijih timah di bawah pentadbiran British, yang menarik kedatangan pelbagai kelompok etnik dari Sumatera seperti Minangkabau, Mandailing dan Rawa. Etnik Rawa mula menetap di sekitar Gopeng, Mambang Di Awan dan Malim Nawar kerana kawasan ini memiliki tanah yang subur, sungai yang jernih, dan peluang pekerjaan di lombong serta ladang. Sehingga kini, warisan penempatan itu masih dapat dikesan melalui nama-nama kampung, susur keturunan, dan bahasa percakapan mereka. Masyarakat Rawa di Gopeng lazimnya hidup dalam komuniti kecil yang saling mengenali. Struktur sosial mereka berasaskan ikatan kekeluargaan yang kuat dan semangat gotong-royong yang masih tersisa hingga hari ini. Dalam kehidupan harian, nilai hormat terhadap orang tua, adat bertamu, dan peranan wanita sebagai penjaga rumah tangga masih dipegang dengan penuh kesedaran. Bahasa Rawa pula, walaupun semakin jarang digunakan oleh generasi muda, masih kedengaran dalam perbualan warga emas yang menggunakan loghat yang lembut dan bersahaja, disertai pantun serta bidalan lama yang menjadi cermin kecerdikan lisan masyarakat mereka (Norhajati, 2023).

Dari segi sosioekonomi, komuniti Rawa di Gopeng pada asalnya terlibat dalam perlombongan bijih timah dan pertanian sara diri seperti penanaman padi, pisang dan getah. Kini, sebahagian besar generasi muda bekerja dalam sektor perkhidmatan, pendidikan dan industri di sekitar Ipoh dan Kampar, namun hubungan dengan kampung halaman tetap dipelihara. Rumah-rumah tradisional yang sebahagiannya masih berdiri, dikelilingi pohon kelapa dan bunga-bunga, menjadi bukti kesinambungan identiti yang tidak terputus. Dari aspek budaya, masyarakat Rawa masih mengekalkan beberapa upacara tradisi yang berkait rapat dengan kitaran hidup manusia. Antara yang masih dikenali ialah adat *turun mandi* bagi bayi, *potong jambul*, *berinai kecil* untuk pengantin, serta adat *jejak tanah* yang menjadi tumpuan artikel ini. Walaupun pelaksanaan adat-adat tersebut kini lebih ringkas dan beradaptasi dengan tuntutan zaman, namun nilai simbolik dan emosi yang terkandung di dalamnya masih utuh. Ia bukan sekadar ritual, tetapi pernyataan halus tentang hubungan manusia dengan asal kejadian, rasa syukur terhadap kehidupan dan keharmonian sosial dalam komuniti. Pemerhatian lapangan mendapati bahawa masyarakat Rawa di Gopeng masih mempunyai tokoh adat yang dihormati. Seorang tok adat perempuan berusia 74 tahun, masih menjadi rujukan utama dalam pelaksanaan adat kelahiran. Beliau sering dijemput oleh keluarga muda untuk memimpin upacara *jejak tanah*, menyiapkan bahan-bahan seperti limau, tanah liat seketul, kunyit hidup dan sebetuk cincin emas serta membacakan puji-pujian tradisi sebelum bayi dipijakkan ke tanah. Bagi beliau, adat ini bukan hanya amalan nenek moyang, tetapi tanda kasih dan doa agar anak yang lahir mengenal asalnya dan berpijak kukuh dalam hidupnya.

Dalam pemerhatian di lapangan, suasana rumah tempat upacara dijalankan amat sederhana lantai papan yang digilap bersih, bau wangi serai dan bunga menghiasi udara, dan di halaman, satu hamparan kain yang di atasnya pelbagai jenis bunga di sisi bekas berisi tanah gembur, tepak sirih dan pelbagai alatan untuk menyempurnakan adat *jejak tanah* tersebut. Ahli keluarga berdiri mengelilingi bayi dengan senyum dan harapan yang terpancar di wajah. Walaupun dunia di luar berubah pantas, detik itu terasa seolah-olah masa terhenti memberi ruang kepada warisan lama untuk bernafas kembali dalam kehidupan moden. Berdasarkan temu bual dengan tiga

orang informan utama, dapat dirumuskan bahawa adat seperti *jejak tanah* bukan sekadar dilihat sebagai adat turun-temurun, tetapi juga sebagai cara untuk menghubungkan generasi muda dengan akar sejarah mereka. Informan kedua, seorang bidan kampung, menyebut bahawa adat ini

*“mengingatkan kita supaya jangan lupa asal, sebab tanah inilah tempat kita mula dan berakhir”. (Informan 2, 2025)*

*Informan kedua, ibu yang baru lepas berpantang iaitu baru lepas melahirkan anaknya yang keempat, menyatakan bahawa beliau meneruskan amalan ini kerana ingin*

*“anaknya berpijak pada tanah yang sama tempat datuk neneknya hidup dan meninggal dunia”. (Informan 3, 2025)*

Latar budaya ini memperlihatkan bahawa bagi masyarakat Rawa di Gopeng, adat bukan sekadar tinggalan sejarah, tetapi sebahagian daripada kehidupan yang hidup dan berdenyut. Di sinilah adat *jejak tanah* mendapat maknanya yang sebenar bukan semata-mata ritual, tetapi naratif tentang akar, kasih dan kesinambungan generasi.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan etnografi bagi memahami makna simbolik, konteks sosial serta pengalaman hidup yang terkandung dalam adat *jejak tanah* masyarakat Rawa di Gopeng, Perak. Pendekatan etnografi dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menyelami realiti budaya secara langsung melalui pemerhatian, pengalaman dan interaksi dengan masyarakat yang dikaji. Melalui kaedah ini, adat yang diamalkan tidak hanya difahami dari sudut bentuk lahiriah, tetapi juga daripada nilai-nilai halus yang membentuk makna dan identiti komuniti (Rosita et al., 2024).

### **Reka Bentuk Kajian dan Pendekatan**

Kajian ini berbentuk kajian kes intrinsik, yang memberi tumpuan kepada satu komuniti tertentu untuk memahami keunikan dan kepelbagaian makna budaya dalam adat *jejak tanah*. Pendekatan kualitatif dipilih bagi menekankan aspek kedalaman dan kefahaman terhadap pengalaman sosial serta emosi masyarakat, berbanding pengukuran kuantitatif. Dalam pelaksanaan lapangan, penyelidik memainkan peranan sebagai pemerhati peserta (participant observer) dengan terlibat secara langsung dalam kegiatan komuniti, bagi menangkap suasana sebenar pelaksanaan adat dan reaksi sosial masyarakat terhadapnya (Sofwatillah et al., 2024).

### **Lokasi Kajian**

Kajian lapangan dijalankan di sebuah perkampungan tradisi etnik Rawa di Gopeng, daerah Kampar, Perak. Lokasi ini dipilih kerana Gopeng merupakan antara kawasan awal penempatan masyarakat Rawa yang berhijrah dari Rao, Sumatera Barat, ke Tanah Melayu sekitar penghujung abad ke-19. Meskipun banyak unsur moden telah mempengaruhi cara hidup mereka, masyarakat di kawasan ini masih mengekalkan beberapa amalan tradisi termasuk adat *jejak tanah*, yang terus diwariskan dari generasi ke generasi.

## Informan dan Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian diperoleh melalui tiga orang informan utama yang dipilih secara bertujuan (purposive sampling) berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka terhadap adat *jejak tanah*:

1. Seorang tok adat perempuan berusia lebih 74 tahun yang menjadi pelaksana utama upacara *jejak tanah*.
2. Seorang bidan kampung yang menjadi saksi kepada perubahan tradisi dari generasi ke generasi.
3. Seorang ibu selepas berpantang yang baru menjalankan adat ini untuk anak ke empatnya.

Kaedah pengumpulan data meliputi:

1. Temu bual mendalam separa berstruktur, bagi mendapatkan naratif pengalaman, tafsiran dan nilai budaya yang dikaitkan dengan adat tersebut.
2. Pemerhatian lapangan secara langsung, melibatkan penyertaan penyelidik dalam upacara *jejak tanah* untuk mencatat susunan acara, peranan tokoh adat, bahan yang digunakan serta interaksi sosial yang berlaku sepanjang majlis.
3. Catatan lapangan dan dokumentasi foto, digunakan untuk menyokong huraian deskriptif dan analisis tematik terhadap data yang dikumpulkan.

## Analisis Data

Data temu bual dan pemerhatian dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik dan interpretatif. Proses analisis melibatkan penyusunan transkrip, pengkodan data, serta pengelasan tema utama yang berkaitan dengan simbolisme, nilai kekeluargaan, dan kesinambungan tradisi. Prinsip “deskripsi tebal” (thick description) dalam etnografi digunakan untuk menzahirkan makna di sebalik tindakan dan ujaran peserta, dengan memberi ruang kepada suara informan untuk menjelaskan dunia mereka sendiri. Triangulasi antara data temu bual, pemerhatian dan dokumentasi dilakukan bagi meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian (Wiyanda et al., 2024).

## Pertimbangan Etika

Setiap informan diberikan penjelasan awal tentang tujuan dan penggunaan data kajian, serta persetujuan mereka diperoleh secara lisan sebelum temu bual dijalankan. Identiti informan dirahsiakan bagi menjaga privasi dan sensitiviti budaya. Sepanjang proses lapangan, penyelidik mematuhi prinsip kepekaan budaya, khususnya dalam menghormati ruang sakral dan tertib pelaksanaan adat *jejak tanah*, agar kajian ini berlangsung dengan penuh adab dan tanggungjawab ilmiah (Denzin, 2023).

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

## Naratif Adat Jejak Tanah di Gopeng

Adat *jejak tanah* dalam kalangan masyarakat Rawa di Gopeng merupakan salah satu warisan budaya yang masih diamalkan dalam bentuk sederhana namun sarat dengan makna. Upacara ini lazimnya dijalankan semasa bayi berusia satu tahun hingga tiga belas bulan, dan ia dilangsungkan dalam lingkungan tarikh 1 hingga 15 haribulan Islam. Waktu pelaksanaannya biasanya antara jam sembilan hingga sepuluh pagi sebelum matahari tegak atas kepala. Menurut maklumat daripada informan utama, adat ini dilakukan

*“supaya anak mengenal bumi, berpijak pertama kali di tanah tempat dia akan hidup dan membesar”.* (Informan 1, 2025)

## Persediaan dan Suasana Upacara

Pemerhatian lapangan menunjukkan bahawa upacara *jejak tanah* biasanya dilaksanakan pada waktu pagi di halaman rumah sebelum matahari tegak atas kepala. Tempat upacara disediakan dengan rapi satu tikar atau permaidani dibentangkan halaman rumah, di atasnya di letakkan kain pemedang berwarna kuning, payung berjuraian kuning, pakaian kanak-kanak berwarna kuning, bunga tujuh jenis, beras, beras kunyit, kasai tiga warna (hitam, putih dan kuning), tanah liat, limau, keris atau emas, serta daun sedingin dan rumput sambau. Tukang adat perempuan, yang juga bidan lama di kampung itu. Upacara ini dimulakan dengan tukang adat yang akan mempersiapkan diri dengan wuduk dan bacaan doa. Kanak-kanak yang akan melalui upacara *jejak tanah* akan dicatitkan tanah ke dahi, dada, tangan dan kakinya sebagai simbol pengenalan kepada bumi. Kemudian, renjisan air yang dicampur dengan daun sedingin dan rumput sambau dilakukan kepada anak tersebut. Anak itu kemudiannya dipimpin berjalan ulang-alik sebanyak tujuh kali di atas taburan bunga tujuh jenis, dengan penuh hati-hati lalu kakinya diletakkan perlahan-lahan di atas tanah. Sebelum ibu melepaskan anak kepada tukang adat ibu berbisik :

*“Selamat berpijak, wahai anak tanah kami. Semoga langkahmu teguh di dunia ini”.* (Informan 3, 2025)

Momen itu disambut dengan senyum dan tangisan kecil bayi yang dianggap sebagai petanda iaitu ia mengenal bumi. Detik itu menghadirkan rasa haru yang sukar diungkap antara syukur, kasih dan keterikatan pada warisan lama.

Seterusnya, tukang adat akan memperlihatkan kepada anak tersebut tiga pilihan iaitu tanah tiga warna, keris atau emas, yang dipercayai mencerminkan hala tuju masa hadapan si anak sama ada cenderung kepada dunia, agama, atau kekuatan. Bunyian mercun sepanjang upacara sebagai simbol iringan spiritual. Hadir bersama ialah kedua-dua ibu bapa bayi, nenek, dan beberapa sanak saudara yang terdekat. Tukang adat menyatakan :

*“Dulu, masa saya muda, orang akan panggil semua jiran datang tengok. Tapi sekarang, buat kecil saja, asal anak dapat jejak tanah dan kita sedekah sikit makanan, sudah cukup”.* (Informan 1, 2025)

Selepas itu, anak didukung oleh bapanya dan dipayungi oleh ibunya untuk dibawa ke tempat mandi. Anak tersebut dimandikan dengan air bersih yang di campur dengan limau dan kasai tiga warna. Selesai dimandikan, anak tersebut diberikan makanan simbolik seperti pulut kuning dan ayam golek gulai lemak kuning. Seterusnya, majlis doa selamat diadakan sebagai penutup upacara dan para tetamu turut dijamu makanan. Tiga hari selepas upacara tersebut, kanak-kanak akan diijakkan ke tanah sebagai tanda rasmi tamatnya pantang tanah. Bidan kampung juga turut menyatakan :

“Adat berjojak ini mengandungi banyak nilai simbolik yang menyentuh aspek rohani, sosial dan budaya masyarakat Rawa”. (Informan 2, 2025)



**Rajah 1: Adat Berjojak masyarakat Rawa di Gopeng, Perak**

Sumber: Pemerhatian 13 April 2025

### **Simbolisme dalam Setiap Unsur Upacara**

Setiap bahan yang digunakan dalam upacara membawa makna simbolik yang mendalam. Tanah melambangkan asal kejadian manusia iaitu tempat berpijak dan tempat kembali. Dalam tradisi Rawa, tanah halaman dianggap suci kerana menjadi saksi kepada kehidupan keluarga sejak turun-temurun. Air melambangkan kesucian dan keseimbangan; dipercayai sebagai unsur yang menenangkan dan membawa berkat. Garam digunakan untuk “menghalau gangguan” dan sebagai simbol kekuatan hidup. Bunga 7 jenis mencerminkan keindahan dan harapan agar bayi

membesar dengan sifat yang baik dan disenangi. Beras kunyit pula menjadi tanda kesyukuran dan kemakmuran. Tukang adat menjelaskan bahawa bahan-bahan ini tidak semestinya wajib, tetapi menjadi tradisi turun-temurun yang lengkap kepada adat. Dalam setiap taburan bunga dan curahan air ketika memandikan anak, terselit doa tanpa lafaz panjang dan doa dalam diam yang lahir daripada kasih dan keyakinan kepada kehidupan.

### **Peranan Keluarga dan Komuniti**

Upacara *jejak tanah* di Gopeng bukan hanya milik seorang bayi, tetapi milik seluruh keluarga. Ia menjadi saat pertemuan antara generasi datuk dan nenek yang menyimpan kenangan lama, ibu bapa muda yang menyambung warisan dan jiran yang datang menumpang berkat.

Menurut informan kedua, seorang ibu :

*“Saya buat adat ni sebab nak anak saya kenal asal. Walaupun kami dah hidup moden, saya nak dia berpijak di tanah yang sama datuk nenek dia pernah pijak”.* (Informan 3, 2025)

Sementara itu, informan ketiga, seorang bidan kampung, mengingat kembali masa kecilnya:

*“Dulu masa saya bayi pun, saya pun dijalankan adat ni. nenek saya pernah cakap, bila kaki kita pertama kali sentuh tanah, masa tu bumi kenal kita”.* (Informan 2, 2025)

Kata-kata itu menyingkap satu falsafah halus bahawa adat *jejak tanah* ialah simbol hubungan dua arah. Bukan sahaja manusia mengenal bumi, tetapi bumi juga mengenal manusia (Claudia & Iswanto, 2025).

### **Evolusi dan Penyesuaian Zaman**

Dalam dunia moden, adat *jejak tanah* mengalami beberapa perubahan bentuk dan makna. Jika dahulu ia dilakukan besar-besaran dengan kenduri kecil dan bacaan pantun, kini kebanyakan keluarga melakukannya secara sederhana. Ada yang menggantikan tanah halaman dengan tanah dalam dulang, ada yang menukar bunga rampai dengan kelopak bunga moden. Namun, seperti ditegaskan oleh tukang adat :

*“Asal maknanya tidak hilang, anak tetap kena jejak tanah asal sebab di situlah roh adat itu hidup.”* (Informan 1, 2025)

Bagi masyarakat Rawa di Gopeng, penyesuaian bukan tanda kehilangan tetapi tanda kebijaksanaan menjaga warisan dalam batas kemampuan zaman. Adat ini terus diwariskan bukan melalui teks atau peraturan tetapi melalui perbuatan (Hasrul et al., 2025).

### **Makna Simbol dan Nilai Budaya**

Adat *jejak tanah* bukan sekadar ritual kelahiran, tetapi satu bentuk naratif budaya yang mempertemukan manusia dengan akar asalnya. Dalam konteks masyarakat Rawa di Gopeng, setiap elemen yang hadir dalam upacara ini membawa makna simbolik yang dalam dan mencerminkan falsafah hidup yang diwarisi sejak generasi terdahulu. Simbol-simbol ini berfungsi sebagai bahasa tidak lisan mengungkapkan nilai, harapan, dan pandangan dunia masyarakat yang melaksanakannya (Rio, 2025).

## Simbol Tanah: Asal, Kehidupan dan Kembali

Bagi masyarakat Rawa, tanah ialah simbol utama dalam adat *jejak tanah*. Ia melambangkan asal-usul kejadian manusia serta tempat berpijak yang memberi kehidupan. Tanah dianggap memiliki nilai spiritual kerana di situlah darah, peluh dan kehidupan keluarga mengalir. Dalam temu bual bersama tukang adat perempuan, beliau menjelaskan:

*“Tanah ni bukan sekadar tempat pijak, tapi tempat mula hidup. Anak yang jejak tanah ni, maknanya dia dah kenal bumi dia sendiri”.* (Informan 1, 2025)

Bagi beliau, adat ini menjadi pengingat bahawa setiap manusia mesti mengenal akar sebelum melangkah jauh. Dari tanah seseorang lahir, di tanah yang sama seseorang berdiri, dan akhirnya akan kembali ke tanah. Falsafah ini menunjukkan kesedaran ekologi yang tinggi iaitu hubungan manusia dengan alam bukan bersifat sementara, tetapi menyeluruh dan abadi (Lukmanul et al., 2025).

## Unsur Air: Kesucian dan Keseimbangan

Air yang digunakan dalam upacara *jejak tanah* membawa makna kesucian dan keseimbangan. Ia dimandikan bayi dengan air yang bercampur limau dan kasai tiga warna bagi melambangkan kebersihan jasmani dan batin. Dalam budaya Rawa, air bukan sekadar bahan fizikal, tetapi dianggap unsur penyatu antara manusia dengan alam sekitarnya. Ia menandakan doa agar kehidupan anak yang baru lahir sentiasa tenang dan aman.

Informan kedua, seorang ibu muda, berkongsi pengalaman:

*“Bila tukang adat memandikan anak saya dengan air, saya rasa seolah-olah dia cuci jalan hidup anak saya iaitu cuci zahir dan batin. Biar bersih langkah pertamanya anak saya sehingga ke akhir hayat”.* (Informan 3, 2025)

Ungkapan itu menunjukkan bahawa adat ini berfungsi bukan sahaja sebagai ritual fizikal, tetapi sebagai proses simbolik yang menghubungkan rasa, doa dan pengharapan (Muhamad et al., 2025).

## Bunga dan Beras Kuningit: Keindahan dan Harapan

Selain tanah dan air, ada dua bahan lain lagi seperti bunga rampai dan beras kunyit juga turut memainkan peranan penting dalam menyempurnakan makna upacara.

**Jadual 1: Simbol Bahan yang Digunakan dalam Upacara Jejak Tanah**

| Bil | Bahan                                           | Simbol                                                                                                                                                                                |
|-----|-------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Bunga rampai                                    | Menjadi perlambangan keindahan dan kesejukan hati. Bau harum bunga dianggap sebagai doa yang menyenangkan roh dan membawa kedamaian.                                                  |
| 2   | Beras kunyit dengan warna kuningnya yang cerah, | Menandakan kemakmuran dan keberkatan hidup. Menurut kepercayaan lisan masyarakat Rawa, menabur beras kunyit kepada bayi adalah tanda doa agar kehidupannya sentiasa dilimpahi rezeki. |

Dalam satu sesi pemerhatian, tukang adat meletakkan 7 jenis bunga di atas tikar untuk upacara ini dan anak akan berjalan di atas bunga tersebut. Hal ini menggambarkan perpaduan nilai fizikal dan spiritual dalam setiap bahan yang digunakan menjadikan adat ini bukan sahaja ritual, tetapi juga manifestasi falsafah hidup (Adila & Norhuda, 2022).

## Nilai Kekeluargaan dan Keintiman Komuniti

Adat *jejak tanah* turut mencerminkan nilai kekeluargaan yang tinggi. Ia mempertemukan ahli keluarga dari pelbagai generasi dalam suasana yang penuh kasih dan hormat. Setiap individu memainkan peranan ibu mengendong bayi, ayah membantu tukang adat menyediakan tempat upacara, datuk dan nenek memberi restu, manakala jiran datang membawa juadah dan buah tangan.

Dalam konteks masyarakat Rawa di Gopeng, adat ini menjadi wadah untuk mengekalkan jaringan sosial. Ia bukan sahaja menyatukan keluarga, tetapi juga memperkukuh semangat komuniti. Walaupun hidup dalam dunia moden yang serba cepat, masyarakat masih menemukan makna dalam berkumpul dan berkongsi rasa syukur (Azlina, 2020).

## Falsafah Hidup: Keseimbangan Antara Manusia dan Alam

Secara keseluruhan, adat *jejak tanah* mengandungi falsafah hidup yang menekankan keseimbangan antara manusia, alam dan ketuhanan. Walaupun masyarakat Rawa kini hidup dalam suasana moden dengan pengaruh bandar yang kuat, mereka masih mengekalkan kesedaran tentang asal-usul dan pentingnya hubungan harmoni dengan alam.

Dalam kata-kata informan bidan kampung :

*“Sekarang orang hidup sibuk, tapi bila tengok anak jejak tanah, rasa balik tenang dan kita masih tidak tinggal adat”. (Informan 2, 2025)*

Ungkapan ini memperlihatkan bahawa adat *jejak tanah* berperanan sebagai ruang refleksi terhadap kehidupan moden mengingatkan manusia agar tidak terputus daripada akar budayanya. Ia membawa mesej bahawa dalam setiap langkah ke hadapan, seseorang tidak boleh melupakan tanah tempat pertama dia berpijak (Hasrul et al., 2025).

## Jejak Tanah sebagai Warisan dan Identiti Masyarakat Rawa

Dalam arus kehidupan moden yang serba cepat dan global, adat *jejak tanah* bagi masyarakat Rawa di Gopeng muncul sebagai satu bentuk peringatan yang lembut tentang akar dan asal-usul manusia. Walaupun ramai generasi muda kini bekerja di bandar-bandar besar, hubungan emosi dengan kampung halaman dan adat lama masih wujud, meskipun tidak lagi sekuat dahulu. Adat *jejak tanah* menjadi simbol hubungan itu satu tali halus yang mengikat masa lalu dengan masa kini, antara datuk dan cucu, antara tanah dan kehidupan (Adila & Norhuda, 2022).

## Kelangsungan Adat dalam Dunia Moden

Hasil temu bual menunjukkan bahawa walaupun hanya segelintir keluarga yang melaksanakan adat ini, nilai yang mendasarinya masih hidup. Bagi sesetengah keluarga muda, pelaksanaan adat ini diubah suai agar sesuai dengan keadaan semasa. Namun, makna simboliknya tidak dilupakan, bayi tetap diletakkan kakinya di atas tanah, menandakan langkah pertama kehidupan.

Informan ibu yang baru lepas berpantang ditemu bual menyatakan:

*“Saya tak mahu adat ni hilang, sebab ini cara kita kenal asal. Walaupun buat ringkas, sekadar jejak kaki anak ke atas tanah, saya rasa itu dah cukup bermakna”. (Informan 3, 2025)*

Pernyataan ini memperlihatkan bahawa adat *jejak tanah* telah melalui proses penyesuaian budaya dari bentuk ritual tradisional kepada amalan simbolik yang lebih peribadi. Ia kini berfungsi sebagai *cultural memory*, menghubungkan generasi baharu dengan pengalaman nenek moyang mereka (Lukmanul et al., 2025).

### **Adat sebagai Cerminan Identiti dan Emosi Kolektif**

Adat *jejak tanah* turut berperanan sebagai penanda identiti bagi masyarakat Rawa di Gopeng. Ia menjadi wadah untuk mengenali diri melalui pengalaman komuniti. Bagi warga emas, adat ini adalah warisan kebanggaan dan bagi generasi muda pula ia menjadi jendela mengenal siapa mereka dan dari mana mereka datang. Dalam setiap pelaksanaan adat, yang lebih penting bukanlah bentuknya tetapi rasa yang mengiringinya iaitu rasa kasih, hormat, dan syukur. Upacara yang ringkas itu menjadi medan penyatuan emosi antara anggota keluarga. Dalam suasana yang dipenuhi bau bunga pelbagai jenis dan tanah. Hal ini membuatkan manusia kembali menyedari bahawa setiap kehidupan bermula daripada asal iaitu tanah (Claudia & Iswanto, 2025).

### **Warisan Lisan dan Kearifan Tempatan**

Adat *jejak tanah* juga memperlihatkan kepentingan warisan lisan sebagai sumber kearifan tempatan. Setiap langkah dalam upacara iaitu dari menyediakan tanah hingga habis upacara diturunkan melalui cerita dan tunjuk ajar, bukan melalui tulisan. Tukang adat di Gopeng mengakui bahawa beliau belajar adat ini daripada bapanya. Beliau berkata dengan nada penuh harapan:

*“Biar adat ni jangan hilang. Kalau tak buat pun, jangan lupa cerita kepada generasi seterusnya. Sebab dalam adat ni ada rasa kasih kita pada hidup”.*  
(Informan 1, 2025)

Kenyataan itu menggambarkan bahawa kesinambungan budaya tidak semestinya bergantung pada pelaksanaan fizikal, tetapi juga pada keupayaan masyarakat untuk mengingat, menceritakan dan menghargai maknanya. Selagi cerita tentang *jejak tanah* diceritakan semula kepada anak cucu, selagi itu identiti Rawa tetap berdenyut dalam sejarah *jejak tanah* Perak (Denzin, 2023).

### **Simbol Kesederhanaan dan Keseimbangan Hidup**

Dalam kehidupan moden yang sering menilai kejayaan melalui kemajuan material, adat *jejak tanah* menawarkan pandangan alternatif tentang makna hidup. Ia mengajar manusia untuk kembali kepada asas iaitu untuk berpijak secara literal dan simbolik. Setiap kali bayi menjejak tanah, seolah-olah masyarakat Rawa mengingatkan diri mereka bahawa hidup ini mesti sederhana, berpaut pada alam, dan berlandaskan kasih keluarga.

Dalam pemerhatian terakhir di Gopeng, seorang warga emas berkata perlahan sambil memandang anak yang baru menjejak tanah:

*“Setiap tapak kecil ini, membawa kita bahawa manusia tidak pernah jauh dari bumi.”*

Kata-kata itu menjadi penutup indah kepada warisan yang hidup melalui tindakan, bukan sekadar kenangan. Ia menandakan bahawa adat *jejak tanah* bukan sekadar upacara kelahiran,

tetapi falsafah hidup iaitu satu bentuk kesedaran bahawa manusia dan tanah tidak dapat dipisahkan.

## PENUTUP

Adat *jejak tanah* etnik Rawa di Gopeng, Perak, merupakan cerminan kearifan tempatan yang tinggi nilainya. Ia menghubungkan manusia dengan asal kejadian, memperkukuh hubungan keluarga, dan memelihara keseimbangan antara tradisi dan kehidupan moden. Melalui pemerhatian lapangan dan temu bual bersama tiga orang informan utama, dapat dirumuskan bahawa walaupun adat ini mengalami perubahan bentuk, roh dan maknanya masih kekal segar dalam jiwa masyarakat. Dalam setiap langkah kecil bayi yang menjejak bumi, tersimpan falsafah besar tentang kasih, asal dan kehidupan. Selagi cerita ini terus diceritakan, dan selagi tanah masih menjadi saksi kepada kehidupan manusia, selagi itulah adat *jejak tanah* akan kekal hidup sebagai warisan yang membumi iaitu menautkan masa lalu, kini dan masa depan masyarakat Rawa di negeri Perak.

## RUJUKAN

- Azlina Musa, Y., Yusmilayati Yunos, Y., & Ahmad, M. N. (2020). Adat turun tanah di Pasir Mas Kelantan. *Jurnal Melayu*, 19, 565–576.
- Belo, C. M. F., & Iswanto. (2025). Dinamika dan kebudayaan masyarakat. *Jurnal Kajian Ilmiah Multidisipliner*, 9(6), 17–30.
- Creswell, J. W., & Guttermann, T. (2021). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Pearson Education.
- Denzin, N. K. (2023). *Handbook of qualitative research* (6th ed.). SAGE Publications.
- Djamaluddin, M., Kartimi, & Rahtikawati, Y. (2025). Air dalam perspektif agama dan budaya. *Journal on Education*, 7(2), 8733–8740.
- Febrian, R., Islam, M. F., & Yudistira, P. (2025). Peran budaya dalam pembentukan identitas manusia. *Jurnal Riset Sosial Humaniora dan Pendidikan*, 3(2), 25–35.
- Hakim, L., Hasyim, M., Almi, M., Syabil, Z., & Sulyani, R. (2025). Eksistensi tanah sebagai simbol kehidupan dan kebangkitan dalam Al-Qur'an. *Jurnal At-Tahfidz: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 6(2), 161–179.
- Haris, M. H., Melantika, M. D., Muntazza, S., & Safitri, S. (2025). Evolusi kebudayaan manusia: Menggali hubungan waktu dan tempat dalam perubahan sosial. *Guruku: Jurnal Pendidikan dan Sosial Humaniora*, 3(2), 177–183.
- Majlan, N. S. (2025). *The socio-economic history of the Rawa community in the Malay Peninsula in the 19th and 20th centuries* [Unpublished manuscript].
- Nor Adila, & Norhuda. (2021). Analisis makna hidangan pulut kuning dalam adat Bebantang masyarakat Tidung, Pulau Sebatik, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), 96–110.
- Nurhajati, S., Sandie, S., & Muchtadi, M. (2023). Pengembangan LKS bermuatan budaya dalam adat Melayu tajak tanah Ketapang. *Indo-MathEdu Intellectuals Journal*, 4(3), 1534–1543.

- Rosita, R., Safitri, R. D., Suwarma, D. M., Muyassaroh, I., & Jenuri. (2024). Pendekatan konstruktivisme terhadap peningkatan hasil belajar siswa SD. *Jurnal Review Pendidikan Dasar: Jurnal Kajian Pendidikan dan Hasil Penelitian*, 10(3), 238–247.
- Selvianingsih, S., Bahari, Y., Ismiyani, N., & Len, M. T. (2024). An analysis of the symbolic meaning of the tajak tanah tradition in Malay society. *Jurnal Pendidikan Sosiologi dan Humaniora*, 14(1), 157–166.
- Sofwatillah, Risnita, Jailani, M. S., & Saksitha, D. A. (2024). Teknik analisis data kuantitatif dan kualitatif dalam penelitian ilmiah. *Journal Genta Mulia*, 15(2), 79–91.
- Wiyanda, V. N., Ilhami, M. W., Mahendra, A., Sirodj, R. A., & Afgani, M. W. (2024). Triangulasi data dalam analisis data kualitatif. *Jurnal Ilmiah Wahana Pendidikan*, 10(17), 826–833.
- Zabidin, H. I. (2015). *Adat berjojak dan pantang tanah masyarakat Rao di Malaysia*. Penerbitan Kayacipta.